

16/11/1997

BN bincang isu ahli Kongres AS Selasa ini

JOHOR BAHRU: Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) akan mengadakan mesyuarat khas Selasa ini bagi membincangkan tindakan dan pendirian parti komponen berhubung usul sekumpulan ahli Kongres Amerika Syarikat (AS) mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memohon maaf dan meletak jawatan kerana didakwa anti-Yahudi.

Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata mesyuarat itu juga membentangkan usul menyatakan sokongan parti terhadap kepimpinan negara dalam menangani pergolakan ekonomi dan campur tangan ahli Kongres AS dalam urusan pertadbiran negara.

Katanya, kerajaan sudah memutuskan supaya usul khas yang memberi keyakinan dan sokongan penuh kepada Perdana Menteri dibentangkan dalam persidangan Parlimen, Rabu ini.

"Anggota Parlimen perlu menyatakan pendirian mereka serta membincangkan tindakan dan bantahan yang perlu diambil berkaitan campur tangan Amerika.

"Jika mereka (anggota Kongres AS) boleh bermesyuarat membincangkan hal yang tidak wajar mengenai Malaysia pada persidangan dewan mereka, ahli Parlimen kita juga boleh berbuat demikian," katanya ketika ditemui, semalam.

Ahli Kongres terbabit menandatangani surat dan menghantar draf resolusi kepada Kongres AS menyatakan kesal dan membantah kenyataan Dr Mahathir berhubung pendirian dan sikap Malaysia serta kenyataan mengenai Yahudi.

Draf usul itu dikemukakan anggota Kongres Parti Demokrat dari Florida, Robert Wexler.

Mohamed berkata, tiga ketetapan yang dibuat 34 anggota kongres itu ialah menuntut Dr Mahathir memohon maaf, meletakkan jawatan dan dakwaan Kerajaan Malaysia tidak adil terhadap bukan Bumiputera, adalah berbaur hasutan.

Menurutnya, hasutan yang disifatkan sengaja menimbulkan kontroversi, menjejaskan keharmonian masyarakat berbilang bangsa sehingga menjadi punca ketegangan kaum.

DI KUALA LUMPUR, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata parti itu akan mencadangkan BN menghantar delegasi ke Amerika Syarikat untuk berbincang dengan ahli kongres terbabit.

Menurut Dr Lim, beliau pernah menghadapi 23 resolusi daripada ahli kongres di Amerika dan Kesatuan Eropah mengenai kempen antikayu tropika dan penggunaan minyak sawit.

"Saya yakin usul ini tidak akan diterima jika kita dapat menjelaskan dari awal kepada ahli kongres berkenaan mengenai perkara sebenar," katanya selepas merasmikan perhimpunan agung Majlis Liberal dan Demokrat Asia dan forum Penguasaan Masyarakat Pelbagai Etnik di Asia, semalam.

(END)